

RM9.7b majukan pendidikan

BH - 10/2/2007

Kemudahan prasarana sekolah ditambah rapatkan jurang pencapaian luar bandar

Oleh Mohd Feroz Abu Bakar
dan Abdul Halim Yusoff

PUTRAJAYA: Kementerian Pelajaran mempunyai peruntukan sehingga RM9.7 bilion bagi merapatkan jurang pendidikan bandar dan luar bandar bagi menyediakan 'padang sama rata' untuk semua pelajar menjelang 2010.

Menterinya, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata daripada jumlah itu, lebih RM4 bilion dikhususkan untuk projek rumah guru, pejabat pendidikan dan asrama, RM2.7 bilion menaik-taraf dan membina sekolah rendah baru serta RM2.6 bilion untuk pendidikan menengah.

Katanya, peruntukan besar itu akan memberi manfaat kepada kira-kira 3.3 juta murid di 5,077 sekolah

rendah, dan lebih 2.2 juta pelajar di 792 sekolah menengah di luar bandar.

Katanya, ia adalah sebahagian daripada strategi mencapai Teras Keempat Pelan Tindakan Pembangunan Pendidikan (PTPP), iaitu membangunkan infrastruktur dan kemudahan pendidikan luar bandar.

"Projek menggantikan kemudahan lama dengan baru atau menaik taraf kemudahan pendidikan sedia ada ini bagi memastikan infrastruktur kita selamat, selesa dan mencukupi untuk digunakan pelajar, guru, kakitangan dan orang ramai.

"Ia menggambarkan kesungguhan Perdana Menteri untuk merapatkan jurang pendidikan semua rakyat mendapat akses yang sama tanpa mengira lokasi atau latar belakang.

"Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan mengumumkan ketika melancarkan Lonjakan Perdana Pendidikan Luar Bandar di Sekolah Kebangsaan (SK) Bum Bum, Sabah, Khamis depan," katanya kepada pemberita selepas taklimat mengenai pelancaran program berkenaan di sini semalam.

Hadir sama Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Effendi Norwawi.

Sementara itu ketika melancarkan Program Gerak Baca 2007 di Kuala Lumpur, malam tadi, beliau berkata, semua yang bertanggungjawab kepada teras strategik PTPP perlu mempersembahkan produk masing-masing sebagai satu pakej untuk



MAKLUMAT PENTING: Hishammuddin memberi taklimat mengenai pelancaran program Lonjakan Perdana Pendidikan Luar Bandar di Putrajaya, semalam. Turut hadir, Mohd Effendi (kanan).

memudahkan semua bahagian dan jabatan bekerjasama.

Katanya, langkah itu dapat memastikan semua yang terbabit dapat melihat pelaksanaan program PTPP secara menyeluruh.

"Mulai tahun ini, semua pihak yang terbabit dengan PTPP perlu berusaha lebih keras bagi memastikan setiap sasaran yang ditetapkan dapat dicapai," katanya.

Sementara itu, beliau berkata,

Program Gerak Baca 2007 yang dilancarkan seawal Februari menunjukkan semua pihak proaktif merealisasikan agenda Memperkasa Bahasa Kebangsaan, iaitu antara fokus utama Teras Pertama PTPP.

FAKTA NOMBOR

Projek Kementerian Pelajaran

6,516

Projek gantian/ubah-suai/naik taraf

3,442

Bilik darjah/asrama/
rumah guru/alat sukan/generator